

<input checked="" type="checkbox"/>	Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/>	Mingguan Malaysia
Tarikh:	22/2/2011
Hari:	SELASA MS: 25
Ruangan:	DALAM NEGERI

1,000 lagi guru tabika bakal ke IPT

KUALA TERENGGANU 21 Feb. – Kira-kira 1,000 lagi guru taman bimbingan kanak-kanak (Tabika) Perpaduan di seluruh negara akan melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan pada pertengahan tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Datuk Azman Amin Hassan berkata, sehingga kini seramai 95 orang guru telah menamatkan pengajian mereka, sementara 400 yang lain sedang mengikuti pengajian di dalam kursus diploma perguruan di beberapa buah IPT tempatan.

Katanya, beliau yakin pelaksanaan bidang pendidikan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ketika ini akan mampu mempercepatkan matlamat untuk menaik taraf

tahap pendidikan guru-guru berkenaan daripada lapan tahun kepada tiga tahun sahaja.

"Kita sedang berusaha ke arah itu dalam usaha melantik guru-guru berkenaan kepada gred 27 agar matlamat kerajaan untuk memastikan tenaga pengajar Tabika mempunyai kemahiran serta pendidikan yang tepat untuk pendidikan awal kanak-kanak di negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika hadir pada majlis perjumpaan awal tahun pemimpin utama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Terengganu Equestrian Resort (TER) di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan bahawa **Universiti Utara Malaysia (UUM)** turut menawarkan tempat kepada kakitangan di bawah

jabatannya untuk melanjutkan pengajian dalam lulusan sarjana dan ijazah doktor falsafah (PhD) di universiti itu.

Tambah beliau, pihaknya menyambut baik tawaran tersebut tetapi mereka perlu memilih kursus-kursus yang ditawarkan agar selari dengan pembangunan jabatan itu.

"Sebelum ini kita juga telah menghantar beberapa pegawai untuk menyambung pengajian mereka di beberapa buah universiti tempatan.

"Jadi tawaran ini akan dimanfaatkan sepenuhnya namun mungkin hanya empat atau lima kakitangan sahaja dibenarkan untuk melanjutkan pengajian bagi mengelakkan kekurangan kakitangan yang bertugas pada satu-satu masa," jelasnya.



LIEW Tiong Lai membantu adik Nurin Mohd. Aderam menggunakan bahan uji kaji sumbangan Astro sambil diperhati Rosnah Shirlin dan Henry Tan selepas melancarkan Astro Kasih bersama Wad Pediatrik Hospital Serdang, semalam.